

20/06/2001

Lebih 800 perwakilan hadir taklimat tertutup

KUALA LUMPUR, Selasa - Lebih 800 perwakilan menghadiri majlis taklimat tertutup oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, sempena Perhimpunan Agung parti itu bermula esok.

Seorang ketua bahagian yang ditemui selepas taklimat itu berkata, Dr Mahathir menekankan pentingnya memelihara perpaduan dalam parti dan meminta ahli menolak politik wang.

Ketua Bahagian Jelutong, Mohamad Noor Husein berkata, presiden juga meminta agar ahli menerima keputusan Lembaga Disiplin terhadap beberapa pemimpin bahagian yang didapati bersalah kerana mengamalkan politik wang.

Pada majlis taklimat yang diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra itu, setiap ahli Umno hanya dibenarkan menghantar lapan perwakilan bagi mendengar amanat Dr Mahathir. - Bernama

(END)